

Nilai rampasan rokok RM903 juta

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merekodkan jumlah rampasan termasuk duti atau cukai penyeludupan rokok, tembakau dan cerut sebanyak RM903.49 juta dalam tempoh dua tahun ini.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, JKDM merekodkan jumlah nilai rampasan termasuk duti dan cukai sebanyak RM548.73 juta dengan bilangan kes keseluruhan berjumlah 2,621 kes pada 2024.

Menurutnya, bagi tempoh tahun lalu kes rokok sahaja mencatatkan sebanyak 2,545 kes dengan rampasan RM93.18 juta dan duti dan cukai bernilai RM399.52 juta.

"Tembakau pula merekodkan sebanyak 75 kes membabitkan nilai rampasan RM21.07 juta dan duti dan cukai RM34.2 juta, sementara cerut pula hanya satu kes memba-

bitkan nilai rampasan RM20,000 dengan duti dan cukai berjumlah RM740,000.

"Bagi tempoh tahun ini, setakat Julai lalu sebanyak 1,488 kes membabitkan kes rokok dengan nilai rampasan RM72.45 juta dan nilai duti dan cukai RM268.1 juta," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Anis berkata, bagi tembakau pula sebanyak 28 kes direkodkan dengan nilai rampasan RM6.34 juta dan nilai duti dan cukai berjumlah RM6.99 juta, manakala cerut pula hanya satu kes dengan nilai rampasan RM70,000 dan nilai duti dan cukai bernilai RM810,000.

"Jumlah keseluruhan kes untuk tempoh tahun ini setakat Julai lalu adalah 1,517 kes dengan nilai rampasan termasuk duti dan cukai yang direkodkan adalah berjumlah RM354.76 juta," katanya.

margin keuntungan barangan asas yang semakin kecil.

"Kalau tak jual, memang susah nak hidup. Tapi kami tahu ini salah. Kalau cukai turun sikit, mungkin kami tak ambil risiko," kata seorang pemilik kedai di Petaling Jaya.

Rokok seludup yang digelar 'hantu putih' dalam kalangan peniaga terus menjadi duri dalam daging kepada pihak ber-

kuasa dan pengeluar sah.

Walaupun ratusan serbuan dilakukan setiap tahun, kegiatan ini ibarat tumbuh semula selepas ditebas, tidak pernah padam, malah semakin berani.

Selagi ada permintaan dan keuntungan besar di sebaliknya, rokok murah tapi haram ini akan terus membara dalam pasaran gelap negara.

pengimbas kekang penyeludupan

Kuala Lumpur: Permintaan tinggi terhadap rokok seludup yang dijual lebih murah daripada harga pasaran menyebabkan golongan berpendapatan rendah beralih ke sumber lebih murah itu bagi memenuhi kehendak mereka.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, rokok antara komoditi yang dikenakan cukai yang tinggi oleh kerajaan bagi mengawal penggunaannya dan meningkatkan hasil negara.

Menurutnya, ia menyebabkan harga rokok sah menjadi mahal, sekali gus mendorong permintaan terhadap rokok seludup yang jauh lebih murah di bawah pasaran terutamanya dalam golongan berpendapatan rendah yang mencari alternatif kepada sumber yang lebih murah untuk memenuhi kehendak mereka.

"Hal ini menyebabkan sindiket penyeludupan rokok melakukan pelbagai cara bagi membawa masuk barangan itu untuk dijual di pasaran.

"Antara modus operandi yang dikesan sindiket penyeludupan rokok adalah dengan membuat pengikliran palsu, dagangan yang ingin diseludup didapati disem-

bunyikan bersama dengan dagangan lain dan mengubah bungkusan dagangan untuk mengaburi pihak berkuasa," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Anis berkata, sebanyak 184 unit Mesin Pengimbas Kargo dan Bagasi ditempatkan di seluruh negara setakat Julai lalu.

"Daripada jumlah itu, 132 unit dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan dipasang di lokasi strategik seperti pintu masuk utama darat, pelabuhan, jeti serta lapangan terbang.

"Kesemua mesin itu kini beroperasi sepenuhnya bagi menyokong pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata, selain itu, JKDM sentiasa meneliti dan menilai keperluan tambahan semua jenis mesin pengimbas di seluruh Malaysia berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa bagi menyokong dan mengukuh keselamatan sempadan.

"Kesemua mesin kini beroperasi sepenuhnya bagi menyokong penguatkuasaan"
Anis

PENGIMBAS KESELAMATAN

Pelbagai mesin pengimbas ini berfungsi sebagai lapisan keselamatan pertama dalam pemeriksaan barangan di pintu masuk negara. Antara peranan utamanya ialah:

1 Mengesan barang larangan dan berbahaya

Senjata, dadah, bahan kimia berbahaya, bahan letupan serta barang larangan lain dapat dikenal pasti melalui imej X-ray beresolusi tinggi.

2 Membanteras penyeludupan dan aktiviti elak cukai

Mesin dapat menilai kandungan kargo tanpa perlu membuka sepenuhnya kontena/beg, sekali gus mempercepat proses pemeriksaan sambil mengesan barang seludup seperti rokok, minuman keras, atau produk bercukai tinggi.

3 Teknologi dual view dan dual energy

Teknologi dual view adalah merupakan imej dari dua sudut berbeza membantu mengenal pasti objek yang disorok di bawah barang lain. Manakala, teknologi tenaga berganda (dual-energy) dapat membezakan bahan organik (contoh: dadah, makanan), bukan organik (contoh: logam, plastik) dan cecair.

4 Pemeriksaan efisien dan berisiko rendah

Mengurangkan keperluan pemeriksaan manual sepenuhnya, menjimatkan masa, serta meningkatkan ketepatan pengesanan.

5 Operasi profiling

Menyokong operasi profiling berasaskan risiko, selaras dengan standard piawaian keselamatan antarabangsa.



INFOGRAFIK Metro



"Sindiket seludup rokok melakukan pelbagai cara bagi membawa masuk barangan"
Anis



GOLONGAN perokok berpendapatan rendah beralih ke sumber lebih murah bagi memenuhi kehendak mereka.